

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1994/95

April 1995

HKT 202/NSK 013 Kritikan Sastera

Masa: [3 jam]

KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI TUJUH [7] SOALAN DI DALAM DUA [2] HALAMAN.

Jawab EMPAT [4] soalan.

Semua soalan membawa nilai markah yang sama.

1. Mengikut Freud, tindakan manusia didorong oleh keinginan libido, termasuklah tindakan mencipta karya sastra. Pandangan ini ditolak oleh Jung dengan mengatakan bahawa sebenarnya ada imej-imej azali pada manusia. Dengan menggunakan contoh-contoh karya sastera, huraikan perbezaan pendapat antara Freud dengan Jung tentang proses psiki dalam penciptaan karya.
2. Jelaskan pandangan Jung tentang tipainduk dan tentang mod visionari. Pada pendapat anda, apakah unsur-unsur utama yang terdapat di dalam karya yang dihasilkan menurut mod visionari dan bagaimanakah unsur-unsur ini menggugah rasa pembaca? Berikan jawapan anda dengan merujuk kepada karya-karya tertentu.
3. Dengan menggunakan contoh karya sastera, huraikan pemikiran Kiritikan Baru. Jelaskan juga cara kerja Kritikan Baru yang disarankan dalam buku Andre Harjana (Kritik Sastra: Sebuah Pengantar).
4. Bincangkan asas-asas pemikiran strukturalisme sebagai pendekatan kritikan sastera.

5. Kritikan Baru dan strukturalisme sama-sama mengutamakan teks sebagai satu-satunya objek kajian. Namun, keduanya berbeza dalam pelaksanaannya. Jelaskan perbezaan ini.
6. "Rasa" merupakan unsur dasar dalam estetika India. Huraikan pengertian "rasa", dan bincangkan lima [5] jenis "rasa" dengan merujuk kepada sebuah karya tertentu.
7. Dengan merujuk kepada tulisan-tulisan Elaine Showalter, atau tokoh-tokoh yang sealaran dengannya, bincangkan konsep feminist critique dan konsep gynocritics. Gunakan satu dari konsep-konsep kritikan tersebut untuk memahami dan menilai sebuah karya pilihan anda.

-ooo000000-